

## **TINGKAT DAYA SAING INDUSTRI MALAYSIA DALAM GLOBALISASI**

*Normizan Bakar  
Hussin Abdullah  
Abu Sufian Abu Bakar*

**D**alam sistem Ekonomi Baru, setiap negara terdedah kepada persaingan global. Dunia tanpa sempadan atau dikenali sebagai pengaruh globalisasi memaksa setiap negara menjadi lebih berdaya saing dan inovatif, atau terpaksa menjadi pemangsa globalisasi. Pasaran kini bersifat dinamik, persaingan bersifat global, dan bentuk organisasi bersifat jaringan, bukan lagi bersifat pegun, domestik, dan organisasi birokrasi. Pengeluaran bukan lagi bersifat 'mass production' tetapi pengeluaran yang fleksibel. Kunci kepada pertumbuhan adalah pengetahuan dan inovasi. Sementara teknologi yang digunakan bukan lagi bersifat mesin tetapi berbentuk digital. Dengan berkembangnya fenomena tersebut menyebabkan tingkat persaingan global semakin sengit. Sehubungan dengan itu perindustrian di Malaysia perlu bersedia menghadapi persaingan global dengan cepat, pantas dan tepat melalui peningkatan daya saingnya, terutama peningkatan kualiti sumber tenaga manusia yang mahir dalam rangka menghadapi AFTA, APEC dan WTO.

Selain itu, penguasaan teknologi juga harus menjadi dasar bagi kemampuan industri di Malaysia dalam meningkatkan potensi yang dimiliki baik dari segi teknologi proses pengeluaran, merancang, membangun dan memperkayakan mesin serta peralatan di sektor industri. Mengikut Porter (1990), kunci kepada pertumbuhan pendapatan per kapita ialah pertumbuhan produktiviti. Sementara kunci kepada pertumbuhan produktiviti adalah inovasi dan kunci kepada inovasi ialah sejauh mana berfungsinya atau berjayanya sistem inovasi yang dibentuk. Dalam

penulisan ini penulis cuba untuk melihat sejauh manakah negara kita mempunyai kelebihan ini untuk bersaing di peringkat antarabangsa. Dimanakah tingkat daya saing industri tempatan? Apakah dasar yang perlu dilakukan oleh kerajaan dalam membentuk kekuatan dalaman industri tempatan?

Perubahan suasana ekonomi beberapa dekad ini telah mengundang ahli ekonomi dan perniagaan seantero membincangkan konsep terkini yang sesuai dengan perubahan semasa dan mendatang. Fenomena ekonomi dunia yang sentiasa silih berganti dengan kemajuan dan kemelesetan, contohnya kemajuan pesat Jepun selepas perang Dunia kedua dan kemelesetan Heiseinya. Selain itu, pembangunan yang menakjubkan negara-negara Asia Tenggara dan krisis kewangannya, di sambung pula dengan krisis matawang di Rusia, dan Amerika Selatan. Peristiwa-peristiwa ini telah memberi isyarat penting kepada ahli ekonomi bahawa pasaran kini adalah bersifat global. Pastinya, gema globalisasi sudah tidak dapat disekat lagi sebaliknya perlu diberi perhatian wajar supaya negara tidak dimusnah oleh gelombangnya. Umpamanya, Krisis matawang Asia Tenggara 1997 dikatakan didalangi oleh kesilapan dasar kerajaan dalam liberalisasi pasaran kewangan domestik (Aramaki, 1999). Kenyataan ini lebih mudah lagi difahami jika ditafsirkan bahawa kerajaan telah dikagumi dengan seribu impian pasaran kewangan yang terbuka sehingga mengundang spekulator kewangan yang lebih berhasrat mengaut keuntungan sementara.

Tetapi bagaimana membentuk sebuah ekonomi yang mampan? Usaha pembentukan ekonomi yang mampan dan seimbang adalah luahan masyarakat kini kerana kemajuan yang dicapai negara maju kini sudah dirasai lompong kemusnahannya. Koffi Annan umpamanya menyuarakan betapa penting difikirkan semula kemajuan ekonomi kini terutamanya dinegara-negara maju yang telah banyak memusnahkan alam sekitar sedangkan negara-negara miskin yang kurang menikmati hasil alam terpaksa juga menerima padahnya (Koffi, 2002).

Bagi membentuk sebuah ekonomi yang mampan adalah melalui pembentukan ekonomi yang seimbang dan berterusan kemajuannya. Usaha ini lebih mudah lagi ditafsirkan dengan terma daya saing iaitu pembentukan ekonomi yang berdaya saing pada masa kini dan masa akan datang adalah perkara utama dalam era globalisasi. Penulisan ini akan membincangkan

terma daya saing dan aplikasinya di Malaysia dan penulisan ini juga dibahagikan kepada konsep daya saing, inovasi dan diikuti perbandingan daya saing Malaysia.

### KONSEP DAYA SAING

Daya saing mempunyai maksud yang berbeza kepada setiap orang. Ringkasnya daya saing boleh dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu:

1. peringkat firma
2. peringkat industri atau kelompok industri
3. peringkat nasional/negara


Pada peringkat firma ini, daya saing dapat difahami melalui kos dan keuntungannya di mana firma yang tidak menguntungkan adalah firma yang tidak berdaya saing, atau tidak menguntungkan kerana kos purata lebih tinggi daripada kos purata lawan. Keadaan ini wujud mungkin kerana produktiviti rendah atau kos input yang mahal atau keduanya. Keadaan ini juga boleh berlaku jika produk yang ditawarkan adalah kurang menarik berbanding dengan produk yang ditawarkan oleh negara lain, ini seterusnya akan mengurangkan bahagian pasaran. Pada tahap firma, tumpuan kepada keuntungan, kos, produktiviti dan bahagian pasaran adalah merupakan penunjuk daya saing. Mustahil jika sesebuah firma yang beruntung dan memiliki bahagian pasaran domestik yang tinggi masih tidak berdaya saing di peringkat antarabangsa. Namun begitu keadaan ini boleh berlaku sekiranya penguasaan pasaran domestik adalah dilindungi halangannya daripada perdagangan antarabangsa. Dalam kes ini, firma domestik mungkin lebih menguntungkan pada masa ini namun begitu tidak dapat bersaing bila perdagangan telah diliberalisasikan. Perbandingan kos firma dengan pesaing antarabangsa yang berpotensi dapat memastikan keadaan ini. Faktor lain bagi memastikan keuntungan masa hadapan firma adalah seperti rancangan Pembangunan dan Penyelidikan (R&D), aktiviti paten atau strategi firma .

Peringkat industri pula kita perhatikan bagaimana firma-firma yang dikategorikan dalam kelompok industri tertentu mewakili kelompok industri tersebut berbanding dengan kelompok industri yang lain di dalam sesebuah negara. Secara amnya, industri yang mendapat pulangan pada tahap purata

atau pada tahap yang lebih dari nilai purata dari pesaing dalam pasaran terbuka dengan pengeluar luar boleh dikatakan lebih berdaya saing. Penguasaan bahagian pasaran antarabangsa danimbangan dagangan adalah petunjuk yang selalu digunakan untuk dijadikan indeks perbandingan bagi melihat perbandingan antara industri. Pengelompokan industri yang disuntik strategi inovasi dengan faktor suntikan buruh dan modal dipegunkan adalah antara faktor yang boleh meningkatkan daya saing industri. Kekuatan keseluruhan firma-firma didalam industri tersebut memberikan kekuatan pada industri yang diwakili. Porter berpendapat keuntungan firma dipengaruhi oleh lima faktor iaitu, kemasukan pesaing baru, faktor pengganti barangan dan perkhidmatan, penguasaan pelanggan, penguasaan pembekal dan yang kelima adalah persaingan dengan pesaing sedia ada. Ini kerana kelima-lima ini menentukan keuntungan industri kerana ia akan mempengaruhi kos, harga dan keperluan pelaburan dalam industri tersebut (Porter, 1985).

Namun, pada peringkat nasional pula konsep daya saing ini diwakili oleh faktor yang sukar difahami. Ini kerana konsep daya saing nasional atau daya saing negara ini belum dapat diterima pakai dengan baik namun bagi tujuan untuk membentuk polisi awam atau sebagai petunjuk kepada prestasi ekonomi kemungkinan ia berguna kerana negara bukanlah sebuah firma (McFetridge, 1995). Ini kerana berbagai faktor yang digunakan untuk menilai daya saing sesebuah negara tidak seragam diantara pengkaji. Krugman menyatakan daya saing merupakan perkataan yang tidak memberi makna apabila digunakan dalam ekonomi negara. Dua isu timbul dalam pendapat Krugman ini iaitu pertama daya saing negara hanya sah dalam definisi ekonomi dan keduanya strategi daya saing boleh diwajarkan (Lall, 1999). Oleh kerana tidak ada penunjuk yang tepat dalam menilai tahap daya saing antara negara inilah yang menyebabkan ada beberapa pendapat yang mengemukakan hujah bahawa terma daya saing dan penunjuknya adalah tidak sesuai. Sebagai contoh, produktiviti, inovasi, kecekapan, jaringan kerjasama dan sebagainya. Faktor-faktor ini walaupun tidak nyata namun ia memberikan contoh yang baik bagi persaingan antara negara dalam firma tertentu, contohnya dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga Malaysia juga mensasarkan agar firma-firma tempatan meningkatkan produktiviti bagi bersaing dengan negara yang lebih rendah kosnya (Unit Perancang Ekonomi, 2001).

**RAJAH 21.1**  
Faktor Kemajuan Teknologi



Sumber : John, Kelley, 1999.

Sebenarnya, campur tangan kerajaan dalam pembentukan daya saing adalah amat penting. Contohnya, keberkesanan polisi kerajaan dalam tindakan meningkatkan daya saing melalui kemajuan teknologi dapat digambarkan melalui tindakan tiga polisi utama iaitu polisi pendidikan, polisi makro ekonomi dan polisi perindustrian (lihat Rajah 21.1). Polisi pendidikan adalah dasar pendidikan yang diguna pakai oleh sesebuah negara contohnya dasar pendidikan atau kurikulum pembelajaran. Kita perhatikan dalam sistem pendidikan negara pelbagai struktur kurikulum dirancangkan amnya pendidikan sekolah rendah dan menengah serta pengajian tinggi, kursus kemahiran dan latihan teknikal serta pengurusan. Kurikulum ini membina tenaga kerja dan pembinaan ilmu dan teknologi. Oleh itu, kurikulum pendidikan ini tidak statik sifatnya ia selalu berubah ataupun diubah mengikut kesesuaian kehendak teknologi serta keperluan masyarakat setempat. Contohnya, apabila kepesatan ICT melanda negara kita keperluan makmal komputer diperingkat pendidikan rendah dan menengah terpaksa disediakan bagi mengelak berlakunya jurang maklumat. Bagaimanapun ada juga perubahan yang dilakukan tidak sesuai dengan kehendak kemajuan

teknologi contohnya pengenalan pembelajaran matematik secara lebih mudah di Britain umpamanya didapati telah menyebabkan banyak pelajar lemah matematik ataupun tidak dapat menyelesaikan matematik dengan baik (Nihon keizai sinbun, 2000).

Polisi makroekonomi adalah faktor terpenting dalam membentuk ekonomi sesebuah negara. Dasar fiskal dan dasar kewangan yang diamalkan bukan sahaja memberi kesan ke atas pengawalan inflasi dan keseimbangan ekonomi sebaliknya ia juga didapati memberi kesan keatas kemajuan teknologi. Polisi perdagangan yang diamalkan oleh sesebuah negara dapat merangsangkan kepesatan teknologi. Selain itu, rejim pertukaran matawang asing yang diguna oleh sesebuah negara umpamanya dapat mempengaruhi pertumbuhan dan pengurangan eksport dan import. Seterusnya pertumbuhan eksport pula akan memberi kesan langsung ke atas pengeluaran barangan berteknologi. Dapat diperhatikan polisi perindustrian selalunya bergerak seiring dengan polisi makro sesebuah negara selepas era pertanian. Pencapaian makro selalunya difokuskan kepada pencapaian yang dirancang melalui polisi perindustrian. Lihat saja pada pelbagai insentif yang diberikan kerajaan Malaysia dalam menggalakan kemasukan pelabur asing ke kawasan zon bebas cukai dan kesannya terhadap mobiliti tenaga buruh.

### **RAJAH 21.2**

Segitiga Pembentukan Daya Saing Industri.

Sumber: Lall, 1999.

Konsep segitiga daya saing di atas (lihat Rajah 21.2) adalah ringkasan daripada beberapa faktor yang perlu untuk mencapai daya saing berterusan dalam industri. Tiga faktor teras tersebut adalah:

- i. Insentif Pasaran
- ii. Institusi Pasaran
- iii. Faktor Pasaran

Insentif pasaran ini berkaitan dengan dasar dan polisi kerajaan sesebuah negara seperti kita bincangkan di bahagian sebelum ini. Polisi makro, sistem perdagangan dan sistem perindustrian merupakan tiga teras galakan pasaran yang membantu membentuk daya saing industri. Walaupun dibincangkan sebelum ini jika sesebuah firma itu mempunyai kekuatan persaingan di peringkat domestik kerana perlindungan oleh kerajaan ia tidak akan mempunyai kekuatan di peringkat global. Sebaliknya, jika insentif dan perlindungan yang diterima dan diolah dengan baik oleh firma bagi mengurangkan kos dan meningkat produktiviti faktor tersebut akan memberikan kekuatan di peringkat global. Selain itu, institusi pasaran juga adalah faktor penting dalam meningkat daya saing ini. Selain daripada polisi pendidikan yang dibincangkan di bab sebelum ini institusi kewangan juga didapati akan mempermudah lagi peningkatan daya saing industri. Teknologi, kemahiran dan kelompok pembekal yang ada di pasaran juga diperhatikan menjadi teras daya saing industri. Ketiga-tiga faktor di atas tidak akan berfungsi ataupun tidak akan membantu meningkatkan daya saing industri sekiranya kemahiran keusahawanan yang ada pada usahawan itu sendiri rendah. Ini bermakna pengabungan faktor-faktor yang ada adalah terletak di atas kebijaksanaan usahawan. Contohnya, walaupun pelbagai insentif yang diberikan oleh kerajaan dan institusi kewangan, jika usahawan tidak bertindak memperoleh dan menggunakan kemudahan dan insentif tersebut ia tidak akan mempunyai kaitan langsung dengan kemajuan firmannya. Pengelompokan industri adalah antara cara terbaik bagi merealisasikan segitiga pembentukan daya saing ini.

Selain dari insentif dan faktor-faktor pasaran, inovasi juga adalah satu jalan yang difikirkan sebagai pemangkin ke arah pembentukan daya saing industri dan pembangunan yang berterusan ekonomi negara. Pembangunan inovasi ini, ada pendapat mengatakan ia melalui penggalakan paten atau melalui sistem paten yang baik (Guan, 2001). Guan juga

mengatakan insentif dan galakan kerajaan membantu inovasi dan budaya penciptaan rakyat Jepun pra-peperangan (Guan, 2000). Walaupun zaibatsu yang wujud pada waktu itu mengimport teknologi dari luar, namun syarikat kecil didapati mencipta sendiri produk mereka. Tambahan pula, sistem paten dan undang-undang yang ketat melindungi hak cipta yang dilaksanakan kerajaan melindungi syarikat kecil tersebut. Ini terbukti dalam kejayaan Jepun mencipta keperluan industri pertaniannya sendiri melalui penggalakan penciptaan mesin pertanian di dalam negara berbanding mengimport terus dari luar negara. Tampaknya, kepercayaan orang Jepun bahawa hanya berfikir dalam bahasa sendiri sahaja dapat mencipta keperluan untuk bangsa itu berjaya mencipta kemajuan industri.

### **PERBANDINGAN DAYA SAING MALAYSIA**

Malaysia secara umumnya mengalami kejatuhan daya saing sejak kemelesetan ekonomi. Namun begitu ini tidak bermakna sebelum krisis ekonomi daya saing Malaysia adalah tinggi. Keadaan ini juga tidak bermaksud pertumbuhan ekonomi yang tinggi bermakna mempunyai daya saing yang tinggi. Ini adalah kerana petunjuk daya saing yang digunakan oleh satu kajian dengan kajian yang lain adalah berlainan dan pelbagai. Penulis telah menggunakan indeks daya saing yang dikeluarkan oleh World Economic Forum (WEF) dan International Institute for Management Development (IMD) bagi membuat perbandingan daya saing antara Malaysia dengan blok ekonomi Asean, Nafta, EU serta negara Jepun dan China. Walaupun Malaysia juga anggota Asean perbandingan ini dibuat bagi mendapatkan faktor perbezaan secara keseluruhan. Jadual 21.1 menunjukkan pada kita kedudukan Malaysia dalam indeks daya saing, dapat diperhatikan perbezaan tangga antara indeks IMD dan indeks WEF pada tahun 2000. Mengikut indeks daya saing IMD Malaysia menduduki tangga ke 25 selepas Sepanyol. Amerika Syarikat menduduki tangga pertama dan diikuti oleh Singapura dalam kedudukan indeks IMD. Didapati juga negara-negara EU, NAFTA, Hong Kong, Jepun, Taiwan, serta Israel mempunyai daya saing yang tinggi daripada Malaysia. Manakala mengikut WEF dari segi indeks daya saing semasa dan indeks pertumbuhan daya saing didapati Malaysia menduduki tangga ke 30 dan 25. Sekali lagi jika dibandingkan dengan negara-negara EU, NAFTA, Hong Kong, Jepun, Taiwan, serta Israel didapati Malaysia masih jauh ketinggalan. Perbezaan yang wujud antara Indeks yang dikeluarkan oleh IMD dan WEF adalah kerana faktor penunjuk daya saing yang digunakan juga berbeza.



JADUAL 21.1  
Perbandingan Indeks Daya saing oleh IMD dan WEF

	IMD Indeks daya saing	WEF Indeks daya saing semasa	WEF Indeks pertumbuhan daya saing		IMD Indeks daya saing	WEF Indeks daya saing semasa	WEF Indeks pertumbuhan daya saing
Amerika Syarikat	1	2	1	Norway	16	20	16
Singapura	2	9	2	Jepun	17	14	21
Finland	3	1	6	Austria	18	13	18
Belanda	4	4	4	Perancis	19	15	22
Switzerland	5	5	10	Belgium	20	12	17
Luxembourg	6	n/a	3	N.Zealand	21	19	20
Ireland	7	22	5	Taiwan	22	21	11
German	8	3	15	Israel	23	18	19
Sweden	9	7	13	Sepanyol	24	23	27
Iceland	10	17	24	Malaysia	25	30	25
Kanada	11	11	7	Chile	26	26	28
Denmark	12	6	14	Hungary	27	32	26
Australia	13	10	12	Korea	28	27	29
Hong Kong	14	16	8	Portugal	29	28	23
United Kingdom	15	8	9	Itali	30	24	30

Sumber : International Institute for Management Development 2000, World Economic Forum 2000.

Jadual 21.2 menunjukkan bahawa Malaysia adalah negara kedua terbaik dalam senarai kedudukan daya saing di rantau Asia Tenggara selepas Singapura. Manaka negara-negara Asean keseluruhan mempunyai beberapa faktor yang mendorong ke arah peningkatan daya saing iaitu kreativiti ekonomi dan pemindahan teknologi. Pemindahan teknologi adalah faktor terpenting bagi semua negara membangun jika penelitian dibuat pada seluruh negara-negara membangun iaitu melalui adaptasi teknologi luar yang dibawa masuk ke dalam sesebuah negara antaranya melalui pelaburan langsung asing. Jadual 21.2 juga menunjukkan bahawa negara-negara Asean mempunyai kekuatan daya saing semasa, operasi firma dan kewangan. Namun begitu mereka kecuali Singapura tidak dapat menandingi kelebihan Amerika Syarikat dan Kanada di Nafta. Malaysia masih mempunyai kelebihan dan mampu bersaing dengan negara Jepun.

Jadual 21.3 pula menunjukkan negara EU kalau diperhatikan faktor terbaiknya adalah kecanggihan strategi dan operasi firma dan daya saing semasa serta kualiti persekitaran perniagaan. Manakala faktor terendah adalah pemindahan teknologi dan mula bergerak. Mula bergerak bermaksud keupayaan pembinaan firma baru. Jika dibandingkan dengan Malaysia dapat diperhatikan pemindahan teknologi adalah kekuatan bandingan ralatif antara Malaysia dan EU. Melalui Jadual 21.2 dan Jadual 21.3 di bawah didapati inovasi mempunyai korelasi yang rendah dengan pertumbuhan daya saing terutamanya di EU. Sebaliknya inovasi mempunyai korelasi yang tinggi dirantau Asean.

Jadual 21.4 dan Jadual 21.5 mempamerkan perbandingan di antara negara dalam strategi dan operasi syarikat. Faktor terbaik Malaysia adalah teknologi luar, latihan staf dan keluasan pasaran. Manakala faktor lemah adalah reka bentuk, kelebihan pemasaran, kemampuan melakukan inovasi. Begitu juga, kekuatan Asean adalah sama dengan Malaysia. Namun secara keseluruhan kelemahan Asean dan Malaysia adalah kawalan pengagihan antarabangsa perluasan jenama dan keunikan reka bentuk keluaran. Kebergantungan kepada teknologi asing merupakan faktor mempengaruhi operasi syarikat di rantau ini. Sebaliknya ini membuktikan bahawa teknologi asing, adaptasi teknologi asing boleh meningkatkan daya saing daya saing sesebuah negara.

JADUAL 21.2  
**Kedudukan Daya Saing Malaysia, Negara-negara ASEAN, NAFTA, Jepun dan China**

	Malaysia	(ASEAN)					(NAFTA)					Jepun	China
		Singapura	Thailand	Indonesia	Filipina	Vietnam	Amerika Syarikat	Kanada	Mexico				
Pertumbuhan Daya Saing	25	2	31	44	37	56	1	7	43	21	41		
Kreativiti Ekonomi	23	3	40	43	36	46	1	15	35	20	48		
Inovasi	30	14	50	55	47	52	1	15	43	5	34		
Pemindahan Teknologi	7	1	36	45	19	42	38	5	4	39	43		
Mula Bergerak	25	8	32	27	41	44	1	17	51	38	47		
Kewangan	21	3	26	50	36	56	5	11	51	8	20		
Keterbukaan	38	2	30	42	48	58	12	1	43	37	54		
Daya Saing Semasa	30	9	40	47	46	50	2	11	42	14	44		
Kecanggihan Strategi Dan Operasi Firma	30	15	47	51	43	56	2	16	42	4	38		
Kualiti Persekitaran Pemiagaan	30	5	40	47	46	49	2	8	43	19	45		

Sumber : The Global Competitiveness Report, World Economic Forum

JADUAL 21.3  
**Kedudukan Daya Saing Malaysia dengan Negara Kesatuan Eropah (EU)**

	Malaysia	German	Belanda	United Kingdom	Perancis	Belgium	Ireland	Itali	Sweden	Spain	Finland	Denmark	Austria	Greece	Portugal	Luxembourg
Pertumbuhan Daya Saing	25	15	4	9	22	17	5	30	13	27	6	14	18	34	23	3
Kreativiti Ekonomi	23	14	8	9	24	18	7	39	5	30	2	13	28	37	32	4
Inovasi	30	3	10	11	8	12	20	24	7	26	2	9	13	45	36	23
Pemindahan Teknologi	7	31	27	16	23	11	2	48	46	18	52	29	21	32	22	3
Mula Bergerak	25	21	7	6	35	14	16	40	9	26	5	15	30	28	36	4
Kewangan	21	24	2	4	22	25	7	29	15	27	13	23	16	42	17	1
Keterbukaan	38	16	5	23	21	19	4	17	29	26	24	15	8	20	10	3
Daya Saing Semasa	30	3	4	8	15	12	22	24	7	23	1	6	13	33	28	-
Kecanggihan Strategi Dan Operasi Firma	30	1	7	11	9	10	19	17	6	24	3	8	12	32	35	-
Kualiti Persekitaran Perniagaan	30	6	3	9	15	13	22	26	11	23	1	4	12	33	27	-

Sumber : The Global Competitiveness Report, World Economic Forum

JADUAL 21.4  
**Prestasi Malaysia, Negara-negara ASEAN, NAFTA, Jepun dan China  
 Dalam Indeks Strategi dan Operasi Syarikat : 2000**

	Malaysia	Singapura	Thailand	Indonesia	Filipina	Vietnam	Amerika Syarikat	Kanada	Mexico	Japan	China
	(ASEAN)					(NAFTA)					
STRATEGI DAN OPERASI SYARIKAT	30	15	47	51	43	50	2	16	42	4	38
Kelaziman Kepada Lesen Teknologi Luar Negera	16	4	17	23	19	57	37	10	15	6	14
Perluasan Latihan Staf	24	11	46	49	35	55	6	13	39	5	28
Kecanggihan Proses Pengeluaran	29	13	40	46	48	54	6	19	35	3	43
Perbelanjaan Syarikat Ke Atas R&D	36	13	45	53	41	28	3	18	48	4	30
Keluasan Pasaran Antarabangsa	22	14	26	35	41	52	3	33	49	2	36
Pengambilan Pengurusan Profesional	31	14	52	56	46	37	4	9	47	20	27
Kelebihan Persaingan Semula Jadi	36	16	43	57	41	49	7	24	47	3	56
Orientasi Pelanggan	26	16	27	38	34	41	2	7	48	1	15
Pengwujudan Nilai Rantaian	41	17	47	43	51	37	7	20	53	10	11
Kelebihan Pemasaran	42	17	45	50	34	58	1	9	33	10	11
Perluasan Kawasan Jualan	39	18	46	44	45	53	9	2	10	31	17
Perluasan Jenama	38	22	56	52	54	36	8	21	43	1	28
Kemampuan Melakukan Inovasi	43	25	52	54	50	36	2	20	48	8	26
Keunikan Reka Bentuk Keluaran	50	25	56	51	41	45	6	20	52	8	35
Kawalan Pengagihan Antarabangsa	34	27	45	54	55	39	10	18	44	4	26

Sumber : The Global Competitiveness Report, World Economic Forum

JADUAL 21.5

Prestasi Malaysia dan Negara Kesatuan Eropah (EU): Dalam Indeks Strategi dan Operasi Syarikat; 2000

	Malaysia	German	Netherland	United Kingdom	Perancis	Belgium	Ireland	Itali	Sweden	Spainyol	Finland	Denmark	Austria	Greece	Portugis	Luxembourg
	(EU)															
<i>Strategi Dan Operasi Syarikat</i>	30	1	7	11	9	10	19	17	6	24	3	8	12	32	35	-
Kelaziman Kepada Lesen Teknologi Luar Negera	16	22	9	32	30	31	35	33	46	7	28	42	34	36	8	2
Perluasan Latihan Staf	24	3	9	18	17	10	20	34	7	30	8	2	14	44	38	1
Kecanggihan Proses Pengeluaran	29	2	7	22	12	10	16	18	4	25	1	8	9	34	33	11
Perbelanjaan Syarikat Ke Atas Penyelidikan Dan Pembangunan	36	5	8	15	9	11	21	31	6	26	2	12	17	43	46	10
Keluasan Pasaran Antarabangsa	22	1	6	8	11	12	23	13	7	19	9	18	29	43	37	10
Pengambilan Pengurusan Profesional	31	8	6	7	18	17	19	36	3	26	1	2	16	53	43	10
Kelebihan Persaingan Semula Jadi	36	1	13	17	10	9	21	12	6	23	8	5	11	30	31	14
Orientasi Pelanggan	26	22	13	20	21	11	14	24	10	25	9	3	4	30	37	12
Pengwujudan Nilai Rantaian	41	1	4	12	3	14	24	15	6	22	9	8	16	28	40	13
Kelebihan Pemasaran	42	4	3	2	5	13	16	20	6	15	19	8	18	28	39	24
Perluasan Kawasan Jualan	39	3	6	13	8	5	11	22	15	23	21	4	7	27	28	1
Perluasan Jenama	38	3	7	10	6	12	19	11	4	17	5	9	14	31	49	15
Kemampuan Melakukan Inovasi	43	4	11	12	7	14	22	17	5	23	1	9	10	39	40	31
Keunikan Reka Bentuk Keluaran	50	5	10	13	4	18	23	3	7	24	1	2	11	43	37	34
Kawalan/Pengagihan Antarabangsa	34	1	6	14	9	8	19	15	3	21	5	11	7	46	47	12

Sumber : The Global Competitiveness Report, World Economic Forum

**JADUAL 21.6**  
**Index Daya Saing Dunia**  
**Pemeringkatan (ranking) sehingga April 2001**

Negara	2001	2000	1999	1998	1997
Amerika Syarikat	1	1	1	1	1
Singapura	2	2	2	2	2
Finland	3	4	5	6	7
Luxembourg	4	6	3	3	8
Belanda	5	3	4	4	4
Hong Kong	6	12	6	5	3
Ireland	7	5	8	7	10
Sweden	8	14	14	16	19
Kanada	9	8	10	8	6
Switzerland	10	7	7	9	12
Australia	11	10	11	12	15
German	12	11	12	15	16
Iceland	13	9	13	18	21
Austria	14	15	18	24	20
Denmark	15	13	9	10	13
Israel	16	21	22	25	25
Belgium	17	19	21	23	23
Taiwan	18	20	15	14	18
U.K.	19	16	19	13	9
Norway	20	17	16	11	5
New Zealand	21	18	17	17	11
Estonia	22	-	-	-	-
Sepanyol	23	23	20	26	26
Chile	24	25	25	27	24
Perancis	25	22	23	22	22
Jepun	26	24	24	20	17
Hungary	27	26	26	28	37
Korea	28	28	41	36	30
<b>Malaysia</b>	<b>29</b>	<b>27</b>	<b>28</b>	<b>19</b>	<b>14</b>
Greece	30	34	32	33	36
Brazil	31	31	34	35	34
Itali	32	32	30	31	39
China	33	30	29	21	27
Portugis	34	29	27	29	32
Czech Rep.	35	40	37	37	33
Mexico	36	33	35	34	40
Slovak Rep.	37	-	-	-	-
Thailand	38	35	36	41	31
Slovenia	39	36	39	-	-
Filipina	40	37	31	32	29
India	41	39	42	38	41

Perbandingan daya saing EU, secara relatif Portugis, Grece, Sepanyol adalah negara yang lemah strategi dan operasi syarikat di kalangan negara-negara EU. Manakala, pengambilan pengurusan profesional adalah kelemahan utama di EU. Walaupun teknologi luar adalah kelemahan tertinggi namun ini tidak bermakna ia tidak berteknologi atau tidak menerima teknologi luar. Manakala faktor terbaik bagi EU adalah keluasan kawasan jualan dan kelebihan persaingan semulajadi. Jadual 21.6 mempamerkan kedudukan daya saing keseluruhan di antara negara terpilih dari tahun 1997 dan 2001. Amerika Syarikat dan Singapura merupakan negara yang menerajui daya saing dunia. Sebaliknya, Malaysia mengalami kejatuhan indeks daya saing secara keseluruhannya.

### **KESIMPULAN**

Regulasi polisi menjadi topik penting kini dalam pembentukan daya saing. Walaupun kita perhatikan sebenarnya indeks daya saing dan penilaian daya saing belum menemui faktor-faktor yang sah membantu peningkatan tetapi oleh kerana gelombang globalisasi sudah meluas ia telah memaksa pembinaan struktur ekonomi yang kuat untuk menghadapinya.

Firma, kerjasama firma dan insentif kerajaan diperhatikan adalah faktor penting pembentukan daya saing. Integrasi antara ketiga-tiga faktor diatas membantu meningkatkan daya saing industri dan seterusnya daya saing nasional. Limpahan polisi dan strategi kerajaan harus sampai ke pihak pengeluar (swasta) bagi merealisasikan matlamat tersebut. Selain itu kreativiti usahawan, adaptasi teknologi luar dan keluasan pasaran adalah antara faktor penting yang perlu diberikan tumpuan untuk menjayakan wawasan daya saing. Walaupun, korelasi antara pertumbuhan daya saing dan inovasi di negara-negara maju sebenarnya rendah, ini tidak bermakna inovasi perlu diabaikan. Sebaliknya, pembentukan budaya mencipta dan pelbagai insentif penciptaan perlu dipergiatkan lagi.